



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR  
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: K.L. 2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (81)d/m.JK/MA 16 Jld.III

Tarikh: 25 Februari 1998

Hakim Kanan/Hakim  
Mahkamah Sesyen

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi

Majistret  
Mahkamah Majistret

Pendaftar  
Mahkamah Sesyen

Tuan/Puan,

**Pekeliling Pendaftar Bil. 3 Tahun 1998  
Persediaan Perbicaraan bagi  
Kes-Kes Separuh Bicara**

-----

Adalah saya dengan hormatnya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa kebelakangan ini terdapat banyak permohonan dari pihak-pihak peguam untuk memohon supaya Hakim, Hakim Sesyen dan Majistret yang telah bertukar dan masih mempunyai kes separuh bicara untuk kembali mendengar sambung bicara kes-kes tersebut.

3. Y.A.A. Hakim Besar Malaya merasakan permohonan-permohonan seperti ini patut diberhentikan oleh kerana arahan perbicaraan kes separuh bicara telah pun dikeluarkan melalui Arahan Ketua Hakim Negara Bil. 3/1996 yang mengarahkan supaya Hakim, Hakim Sesyen, Majistret yang menggantikan Hakim, Hakim Sesyen dan Majistret yang bertukar, mendengar kes berkenaan. Arahan Ketua Hakim Negara ini hendaklah dipatuhi.

4. Schubungan dengan itu Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan supaya apabila Hakim, Hakim Sesyen dan Majistret terlibat dengan pertukaran tempat



bertugas yang melibatkan stesen yang lain, maka Penolong Kanan Pendaftar, Majistret, Pendaftar Mahkamah Sesyen di Mahkamah yang terlibat hendaklah menyediakan satu senarai kes-kes separuh bicara Hakim, Hakim Sesyen dan Majistret berkenaan untuk ditetapkan tarikh sebutan di hadapan Hakim, Hakim Sesyen, Majistret pengganti, sekurang-kurangnya sebulan dari tarikh perbicaraan bagi menentukan persetujuan pihak-pihak sama ada kes tersebut akan diteruskan dengan keterangan yang telah dicatat atau didengar *de novo*.

5. Persediaan seperti di para 4 adalah perlu supaya sesuatu kes itu dapat diteruskan perbicarannya pada tarikh yang telah ditetapkan tanpa penangguhan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



( MAT ZARAAT BIN ALIAS )

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Setiausaha  
Majlis Peguam  
No. 5 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

MZA/lz  
pekpmt

6

1